

# PHARMANIAGA CALCIUM TABLET®

Calcium Lactate (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Calcium Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Calcium Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Calcium Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Calcium Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Calcium Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Calcium Tablet

Pharmaniaga Calcium Tablet digunakan di dalam rawatan kekurangan kalsium dan paras kalsium yang rendah di dalam darah.

## Bagaimana Pharmaniaga Calcium Tablet berfungsi

Ya mengandungi bahan aktif calcium lactate yang penting untuk fungsi otot dan saraf yang normal. Ia juga penting untuk fungsi jantung dan pembekuan darah yang normal.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet dan maklumkan kepada doktor anda sekiranya:

- Anda alah kepada calcium lactate atau pada mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini.
- Anda mempunyai paras kalsium yang tinggi di dalam darah

### -Sebelum mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet sekiranya anda:

- Mempunyai fungsi buah pinggang yang lemah atau rosak
- Pernah mengalami penyakit batu karang

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang atau baru sahaja habis mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Terutamanya:

- Digitalis (digunakan untuk merawat penyakit jantung)
- Antibiotik tetracycline (digunakan dalam rawatan jangkitan).

## Ujian

Doktor anda mungkin mahu memantau paras kalsium di dalam darah dan urin sekiranya anda telah mendapatkan rawatan dos yang tinggi.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Calcium Tablet

Sentiasa mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet sepertimana yang telah diarahkan oleh doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Telan keseluruhan ubat dengan air.

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 300-1500 mg sehari (bergantung kepada keperluan)

### -Bila perlu digunakan

Ambil sepertimana yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selama mana yang telah diarahkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatinnya dan teruskan pengambilan dos seterusnya seperti biasa.

Jika ia sudah hampir dengan dos yang seterusnya, abaikan dos yang

tertinggal itu dan teruskan pengambilan ubat seperti biasa.

Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi Jabatan Kecemasan di hospital yang berdekatan atau maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda (atau orang lain) telah menelan ubat ini dalam kuantiti yang banyak, atau anda rasa jika ada kanak-kanak yang telah tertelan ubat ini.

Simptom terlebih dos termasuk sembelit, hilang selera makan, muntah dengan disertai sakit perut, kelemahan otot, kekeliruan, sakit tulang, pembedapan kalsium ke dalam tisu seperti buah pinggang, atau denyutan jantung yang tidak tetap.

## Semasa menggunakan Pharmaniaga Calcium Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hendak memulakan sebarang pengambilan ubat yang baru, perlu maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Calcium Tablet untuk merawat masalah lain melainkan ia adalah atas arahan doktor anda.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Kesan terhadap keupayaan memandu atau menggunakan mesin tidak diketahui.

# PHARMANIAGA CALCIUM TABLET®

Calcium Lactate

---

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat yang lain, Pharmaniaga Calcium Tablet juga boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan walaupun tidak semua orang akan mendapatnya. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan berikut atau kesan-kesan lain yang tidak tersenarai di bawah:

- sembelit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Calcium Tablet 250mg

### -Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan gunakan Pharmaniaga Calcium Tablet yang telah tamat tempoh. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, berbentuk bulat, dwi-cembung dengan ikon

Pharmaniaga pada satu sisi dan tanpa tanda pada sisi yang lain.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:  
Calcium Lactate 300mg

-Bahan tidak aktif:  
Cornstarch, Lactose, Magnesium Stearate dan Purified Water.

-Nombor MAL  
MAL20000236X

### **Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

14/03/2018

### **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)260218/00058

